

Headline	Susah ayah bakar semangat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	17	ArticleSize	201 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,555	PR Value	RM 7,665



# Susah ayah bakar semangat

**RAWANG** - Ibu bapa perlu membantu anak-anak untuk bersikap yakin diri setelah mengingatkan mereka akan tanggung jawab dan juga apa yang mereka perlu utamakan dalam hidup.

"Untuk anak-anak saya, itu yang saya buat. Saya selalu ingatkan mereka tentang perkara itu kerana saya sendiri tidak punya banyak masa untuk bersama mereka. Setiap kali balik kerja tengah malam, mereka sudah tidur," kata Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian, Muhamad Mat Yakim.

Anak sulung Muhamad, Ain Farhana, 17, antara pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan 9A semalam.

Menurut Muhamad lagi, pengalamannya sendiri menyambung pengajian luar kampus untuk ijazah sarjana muda beberapa tahun lalu dan kini dalam pengajian peringkat sarjana di Universiti Utara Malaysia (UUM) secara tidak langsung menjadi sumber motivasi dan inspirasi anak-anaknya.

"Saya selalu ingatkan mereka betapa susahnyanya saya belajar sambil bekerja dan menguruskan keluarga yang mereka boleh tengok sendiri setiap hari. Kerana itu, saya tak mahu mereka susah seperti saya. Kalau tak mahu susah, kenalah ikut turutan... masa belajar, belajar sungguh-sungguh," katanya.

gah," katanya.

Ain Farhana, pelajar SMK Bandar Tasik Puteri berkata, selain perhatian ibu dan ayah, dia turut mendapat dorongan kuat daripada guru-guru, guru tuisyen dan rakan-rakan.

"Ini bukan kejayaan saya seorang tetapi semua yang berada di sekeliling yang sentiasa mengharap dan mendoakan kejayaan saya. Saya berasa sangat bertuah dan berterima kasih kepada mereka," katanya yang mempunyai tiga adik, kesemua lelaki.

Bercita-cita melanjutkan pengajian dalam bidang bioteknologi, Ain berharap kejayaan awalnya ini dicontohi adik-adiknya.



Ain (dua, kiri) bersama rakan-rakan pelajar cemerlang SPM SMK Bandar Tasik Puteri, Rawang.